

**Najib Makan Nasi Kandar Di Restoran Nasi Kandar Beratur
Bernama
11 Februari, 2013**

GEORGE TOWN, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meluangkan masa menjamu selera menikmati menu nasi kandar yang popular di negeri ini iaitu Nasi Kandar Beratur di Jalan Kapitan Kling dalam rangka lawatan kerja dua harinya ke negeri ini.

Beliau yang diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor dan dua orang anaknya iaitu Nooryana Najwa dan tunangnya Daniar Nazarbayev serta Ashman Razak, menjamu selera selama 40 minit.

Mereka dihidangkan dengan pelbagai makanan antaranya ayam goreng, telur masin, kari ikan, sambal sotong dan sayur bendi.

Perdana menteri dan keluarganya kelihatan teruja menikmati hidangan itu memandangkan beliau sememangnya merancang untuk menikmati kelazatan nasi kandar Pulau Pinang.

"Alhamdulillah...hajat saya tercapai, dapat makan nasi kandar. Nasi ini memang sedap, original...tapi kena makan di kedai baru puas, nak bawa balik hotel tak boleh," katanya kepada pemberita selepas selesai menjamu selera di restoran Nasi Kandar Beratur di sini Ahad malam.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=927374>